

Ahli Majlis Tertinggi UMNO 2 Menteri Besar dijangka dilantik

KUALA LUMPUR, Jumaat.— Dua Menteri Besar dijangka dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO dalam Mesyuarat MT di sini, esok.

Mereka ialah Tan Sri Haji Othman Saat dari Johor dan Datuk Jaafar Hassan dari Perlis.

Perlantikan itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan memperkerusi buat pertama kali mesyuarat itu di Ibu pejabat UMNO di sini.

Di samping itu beberapa tokoh lain juga dijangka dilantik untuk mengisi tujuh kekosongan jawatan itu. Mereka ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Hussein Ahmad, Ahli Exco Kedah, Encik Abu Bakar Rautin, Pengerusi MARA, Dr. Nawawi Mat. Awin dan Yang Dipertua Dewan

Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail.

Beberapa muka lain juga disebut-sebut menyertai Majlis Tertinggi seperti Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hasaan Haji Omar dan Ustaz Yusoff Zaki.

Di mesyuarat itu juga, Presiden parti akan melantik Setiausaha Agung UMNO, Bendahari dan Ketua Penerangan di samping menukar atau mengekalkan fotfolio lima biro dalam UMNO.

Prestasi

Senator Datuk Mustafa Jabar kemungkinan besar dilantik semula sebagai Setiausaha Agung UMNO memandangkan prestasi dan perkhidmatan beliau yang memuaskan sepanjang tiga tahun lalu.

Difahamkan juga, belum ada tokoh-tokoh lain yang sesuai mengem-

balikan urusan sebagai Setiausaha Agung parti yang dianggap penting.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah pula dijangka kekal sebagai Bendahari parti di samping Pengerusi Biro Bangunan Ibu pejabat Kompleks UMNO Malaysia yang sedang di peringkat pembinaan.

Timbalan Presiden baru parti, Datuk Musa Hitam dijangka melepaskan Ketua Biro Pelajaran mengambil alih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Parti.

Tempat beliau dijangka di sandang oleh muka baru. Antara mereka yang disebut-sebut ialah Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin dan Datuk Mokhtar Hashim.

Semua ahli Majlis Tertinggi yang dipilih dalam Perhimpunan Agung UMNO 30 Jun lalu akan hadir kecuali Datuk Haji Harun Idris dan Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani.

Datuk Harun tidak dapat hadir kerana permohonannya memegang jawatan Naib Presiden ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan manakala Datin Paduka Hajjah Aishah pula bercuti diluar negeri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia